

21 AUG 2003

Mahathir-KIK

DR MAHATHIR LANCAR PEMBINAAN JAMBATAN KERETA API, JALAN RAYA KIK

JOHOR BAHRU, 21 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan pembinaan jambatan kereta api dan jalan raya yang merupakan sebahagian daripada projek Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) di Tambak Johor di sini hari ini.

Pelancaran itu dilakukan menerusi sidang video kerana pada masa itu Perdana Menteri berada pada majlis perasmian Menara Kastam Johor yang terletak di Larkin, 10 km dari tapak pembinaan kompleks KIK itu.

Semasa sidang video itu, Dr Mahathir telah bertanya tentang tahap kemajuan projek itu kepada Pengarah Pembinaan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Anton Sebastian, yang mengawasi perjalanan projek berkenaan yang dilaksanakan oleh Gerbang Perdana Sdn Bhd.

"Segala kerja tanah, menanam cerucuk dan mengalihkan paip air di kawasan pembinaan sedang berjalan dengan lancar," kata Sebastian, sambil menjelaskan bahawa pembinaan dijalankan 24 jam sehari.

Jambatan jalan raya dan kereta api untuk KIK itu bernilai RM1 bilion dan dijadual siap pada Oktober 2005 manakala keseluruhan projek KIK itu menelan belanja RM1.26 bilion dan akan siap pada Disember tahun yang sama.

Pada Januari 2006, kesemua kemudahan itu akan dapat digunakan, kata Sebastian.

Perdana Menteri sempat bergurau dengan Sebastian dengan bertanya sama ada pembinaan kedua-dua jambatan itu boleh disiapkan menjelang Oktober ini, iaitu sebelum persaraan beliau.

"We need a miracle for that to happen, sir, (Tuan, untuk itu kita perlukan satu keajaiban," jawab beliau yang disambut gelak ketawa oleh para hadirin.

Pengarah Projek Gerbang Perdana, Rostam Razali, berkata projek pembinaan KIK itu berjalan lebih cepat daripada jadual.

Perdana Menteri turut dihadiahkan dengan batu granit yang digunakan oleh pekerja dalam pembinaan Tambak Johor antara tahun 1919 dan 1923.

Batu-batu granit itu akan dipamerkan di pusat pentadbiran negara di Putrajaya.

Ia dikutip di dasar Selat Johor oleh seorang penyelam, Govinathan Ramasamy.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman.

Ketika bercakap pada sidang media selepas itu, Dr Mahathir berkata tidak ada kepentingan ekonomi dalam pembinaan jambatan keretapi dan jalan raya itu tetapi Malaysia mahu membinanya bagi menggantikan Tambak Johor.

Kewujudan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura itu sejak sekian lama menyekat aliran semulajadi air di Selat Tebrau dan menurutnya air di Selat Tebrau kini sangat kotor.

"Tiada kepentingan ekonomi... kita nak aliran semulajadi, kita nak bot khasnya bot persiaran yang boleh pergi balik (antara perairan di timur dan barat Tambak Johor), kini kena pusing jauh," katanya ketika menjawab soalan seorang wartawan Singapura.

Mengenai kesan pembinaan jambatan "swing bridge" itu terhadap hubungan Malaysia dengan Singapura, Perdana Menteri berkata, "Baik sesiapa sahaja boleh mentafsirkannya macam mana sahaja yang mereka mahu.

"Masalahnya kita mahu membina jambatan yang lurus tetapi mereka tidak mahu... mereka tidak mahu sehingga tahun 2007, tetapi kita tidak dapat menunggu, itu bukan salah kita."

Singapura sebelum ini dilaporkan tidak mahu menggantikan Tambak Johor dengan jambatan sehingga tahun 2007 dan ini memaksa Malaysia membina "swing bridge" itu sedemikian rupa setakat perairan sempadan negara ini sahaja.

-- BERNAMA

MNY MHI PR